

50 anggota polis terlatih kawal setiap ketua negara

UM - 4 OCT 2003

Daripada **BADRUL AZHAR RAHMAN** dan **ZULKEFLI HAMZAH**

BALI 3 Okt. — Polis Bali telah mengarahkan 250 anggota khusus untuk bekerjasama dengan 231 pasukan tentera bagi mengawal keselamatan ketua-ketua kerajaan yang akan menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN di sini pada 7-8 Oktober ini.

Selain itu, polis Bali turut mengerahkan lebih 5,000 anggota untuk membantu memperkuatkan kawalan keselamatan selain ribuan pasukan risikan untuk memastikan Sidang Kemuncak ASEAN ke-9 berjalan lancar.

Ketua Perhubungan Awam Polis Bali, Pengasih Gaut berkata, pihaknya menyediakan 50 anggota polis terlatih untuk setiap ketua kerajaan selain mereka turut dikawal oleh



pasukan keselamatan sendiri yang lengkap bersenjata.

Sementara itu, jalan Ngurah Rai-Intana Tampaksiring tempat para ketua kerajaan menghadiri makan malam pada 7 Okto-

ber akan ditutup bagi lalu lintas awam selama dua jam setengah.

Ketua Polis Bali, Made Mangku Pastika berkata, penutupan jalan itu dilakukan dua kali iaitu semasa ketibaan ketua kerajaan

dan kepulangan mereka yang dijadual pada pukul 10 malam.

Katanya, penutupan jalan bagi melancarkan perjalanan laluan delegasi Sidang Kemuncak ASEAN yang akan disertai oleh 14 ketua kerajaan termasuk dari Jepun, China, Korea Selatan dan India.

"Jamuan makan malam yang diadakan Ibu Presiden melibatkan 14 ketua kerajaan. Kenderaan yang mengiringi rombongan delegasi ASEAN cukup panjang dan Indonesia harus menjadi tuan rumah yang baik," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dijadual tiba pada 6 Oktober beberapa jam sebelum pertemuan tidak rasmi pada jamuan makan malam yang turut dihadiri sembilan ketua kerajaan ASEAN yang lain di Hotel Sheraton di sini.

Indonesia sebagai tuan rumah sejak beberapa minggu lalu telah mempersiapkan pasukan keselamatannya termasuk menjalani latihan anti keganasan menjelang sidang kemuncak kali ini.

Beberapa hari lalu, polis telah menerima maklumat mengenai ancaman bom yang bertujuan untuk mengganggu kelancaran mesyuarat. Bali sengaja dipilih sebagai tempat mesyuarat pada Sidang Kemuncak ASEAN di Kemboja, November lalu.

Ia sebagai usaha memulihkan keyakinan masyarakat antarabangsa terhadap keselamatan dan memulihkan industri pelancongan di Bali yang terjejas teruk akibat letupan bom pada 12 Oktober lalu yang mengorbankan 202 orang, sebahagian besarnya pelancong asing. — *Utusan*